

**TEKS UCAPAN ALUAN  
Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib  
NAIB CANSELOR UTeM**

---

**KARNIVAL SUKAN IPT NEGERI MELAKA PIALA YAB KETUA  
MENTERI MELAKA 2014**

*30 November 2014 (Ahad) 4.30 petang, Dewan Sukan UTeM*

*Bismillahirrahmanirrahim*

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi  
Hijau, Melaka 752 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat.

**YB Datuk Wira Hj. Naim bin Abu Bakar  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka**

**Y. Bhg. Datuk Mohamad Salleh bin Ismail  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka**

**Tn. Hj. Nordin bin Ali  
Pengurus Besar, Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka  
(TAPEM), Jabatan Ketua Menteri Melaka**

**Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UTeM**

**Y. Berusaha Tn. Hj. Ismail bin Abdol Jalil  
Pengarah Majlis Sukan Negeri Melaka**

**Y. Berusaha Dr. Asiah binti Hj Mohd Pilus  
Ketua Pusat Sukan, HEP UTeM**

Ahli-ahli Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kecil,

Pengurusan Tertinggi IPT-IPT Negeri Melaka,

Para atlit, pengurus-pengurus pasukan, rakan media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan kurnia dan izin-Nya dapatlah kita sama-sama berhimpun dan bertemu dalam Karnival Sukan IPT Negeri Melaka Piala YAB Ketua Menteri Melaka 2014.
2. Bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka yang telah memilih UTeM sebagai **tuan rumah karnival ini buat kali ke-3 berturut-turut**.
3. Saya mengucapkan **Selamat Datang ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka** dan selamat datang ke karnival sukan terbesar di Negeri Bersejarah ini yang berjaya menghimpunkan hampir **30 IPT dari seluruh Negeri Melaka**.

4. Saya percaya, program seumpama ini sentiasa mendapat sokongan padu dari IPT masing-masing sebagai pelengkap kepada pendidikan formal dalam bilik kuliah. Pengalaman dan kemahiran yang diperolehi melalui aktiviti ini pasti dapat membantu para pelajar menjadi individu yang lebih cekal dan yakin menghadapi cabaran yang bakal ditempuhi apabila melangkah ke alam kerjaya.
5. Kecergasan tubuh badan menjadikan kita cerdas, setelah tumpuan dan perhatian kita banyak terarah kepada kerja dan pembelajaran di bilik kuliah. Seharusnya, kita juga perlu meluangkan masa untuk bersukan, bagi mengurangkan tekanan yang akhirnya mampu mengembalikan semula energi positif untuk prestasi diri yang lebih cemerlang.

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian,

6. IPT hari ini menggalas tanggungjawab yang jauh lebih mencabar, bukan sahaja berperanan sebagai pusat ilmu yang dipertanggungjawabkan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dalam bidang akademik tetapi juga dari segi kemahiran-kemahiran lain termasuk kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, beretika dan pastinya aktif dalam bersukan.
7. Maka, dari sinilah tercetusnya idea penganjuran Karnival Sukan ini. Ia juga bertujuan untuk membangun dan memajukan sukan di peringkat IPT Negeri ini, di samping menjalinkan hubungan ukhuwah yang lebih akrab antara pelajar IPT di Negeri Bersejarah ini.
8. Karnival ini bukan sahaja merupakan medan pertandingan untuk mempamerkan kemahiran tertentu dalam acara masing-masing, sebaliknya menjadi platform kepada percambahan strategi minda, stamina dan kreativiti untuk menguasai sesuatu pertandingan. Secara tidak langsung, semangat kerja berpasukan, toleransi dan muhibah akan terbentuk dalam diri para atlet yang akhirnya akan

menyumbang kepada pencapaian Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi yang antaranya adalah ke arah memperkasakan modal insan seimbang dan berkualiti dalam aspek akademik dan sukan.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

9. UTeM menerusi Pusat Sukan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, selaku pengajur bersama karnival meletakkan harapan tinggi agar program sukan sebegini akan terus dimartabatkan bagi memupuk semangat kesukuanan dan merangsang pembinaan atlet Negara. Dari sinilah bakat-bakat para pelajar yang sebelum ini tidak diperlihatkan mampu dicungkil dan digilap seterusnya memungkinkan mereka untuk mewakili negeri ke peringkat kebangsaan malah antarabangsa.
10. UTeM akan terus menyokong perkembangan sukan Negeri Melaka kerana ia bukan sahaja agenda yang dihasratkan oleh Kerajaan

Negeri, malah merupakan agenda penting pihak Kementerian dan Negara kita sendiri.

11. Justeru, saya mengalu-alukan jemputan dari Kerajaan Negeri untuk menganjurkan lebih banyak program kerjasama seumpama ini malah dalam penganjuran aktiviti-aktiviti lain yang boleh menyumbang ke arah pembangunan Negeri Melaka dalam pelbagai aspek. Dengan adanya kerjasama dan sokongan yang berterusan ini, saya yakin Negeri Melaka akan terus membangun dalam misi mencapai status negeri maju menjelang 2020 bersama-sama UTeM sebagai Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

12. Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada IPT yang terlibat atas penyertaan dalam Karnival Sukan ini. Kepada

para atlet, adat bertanding dalam permainan, pasti ada yang menang dan ada yang tewas, Yang penting, anda telah menunjukkan semangat bertanding yang positif dan sihat. Eratkan ikatan yang terjalin ini, bukan sahaja sepanjang pertandingan tetapi kemesraan tersebut perlu diteruskan pada masa akan datang.

13. Sekali lagi saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Pusat Sukan UTeM, Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka, Jabatan Ketua Menteri Melaka, Majlis Sukan Negeri Melaka dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung atas usaha menjayakan aktiviti sukan di UTeM terutamanya dalam penganjuran Karnival Sukan IPT Negeri Melaka 2014.

Berkualiti rehat minda yakin,  
Semua halangan mudah dicara,

Atlet sihat menjadi pemangkin,  
Kepada kecemerlangan sukan negara.

Sekian,        *wabilahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*